

## Catatan Lapangan

Kod: FN050405

Tarikh: 5 April 2005 / Hari: Selasa. / Masa: 8.40 pagi

Lokasi: Pejabat Ketua Jabatan Teknologi Pendidikan.

Tajuk: Catatan lapangan dalam pertemuan dengan KJTP

*Catatan*

*Komen Pengkaji*

Ini adalah lawatan susulan ke MPI. Tujuan utama lawatan saya kali ini adalah untuk bertemu dengan Ketua Jabatan, Jabatan Teknologi Pendidikan. Selain daripada bertemu dengan KJ untuk mengenali antara satu sama lain dengan cara membina rapport yang baik, pengkaji juga mencari peluang untuk memaklumkan kepada KJ untuk mencari dan memilih peserta kajian berdasarkan kepada kriteria yang telah saya tetapkan seperti di dalam kertas cadangan penyelidikan.

Satu hari sebelum ini saya telah menghubungi KJTP tersebut melalui telefon, memaklumkannya untuk menemuinya di pejabat jabatan.

Saya telah sampai pada jam 9.00 pagi. Pejabat KJ kosong walaupun tidak berkunci. Bilik tersebut terletak di antara dua makmal komputer; makmal penyelenggaraan komputer dan makmal C, dan di sebelahnya terdapat sebuah lagi bilik pensyarah yang cukup besar untuk menempatkan dua orang pensyarah. Sebenarnya bilik ini terletak di belakang Makmal C. Apabila KJ membuka pintu pejabatnya ia akan dapat melihat pensyarah mengajar di hadapan makmal jika ketika itu P&P sedang berjalan. Pagi itu tiada P&P di makmal, dan mengikut jadual jabatan memang tiada kuliah pada waktu itu. Makmal C ini mengandungi 25 buah komputer. Tiap-tiap satu diletakkan di atas sebuah meja PC yang disusun kepada 5 lajur, dan 5 baris. Di hadapan terdapat sebuah meja yang meletakkan Komputer untuk kegunaan pensyarah. Sebuah papan putih, layar di sudut sebelah kiri makmal jika kita memandang ke hadapan makmal, dan sebuah projektor LCD. Ruang makmal ini cukup luas untuk menempatkan sebuah meja besar di bahagian belakang makmal.

Sebelum jam 9.30 pagi beliau telah sampai ke pejabatnya. Saya dipersilakan duduk, dan beliau bertanya perkara-perkara umum sebelum berbual mengenai perkara khusus. Selepas

*Persediaan sebelum menemui pihak yang terlibat dengan kajian adalah sangat penting kerana peserta mempunyai masa yang amat terhad untuk melayan keperluan pengkaji.*

*Peluang bertemu dengan KJ telah mendedahkan pengkaji kepada persekitaran yang ada di lapangan kajian seperti keadaan fizikal makmal, perkakasan, perisian dan pensyarah yang menjadi peserta kajian. Proses mengenali dan memahami lokasi kajian memudahkan entri ke sekitar lapangan.*

*KJ menunjukkan semangat kerjasama*

---

perbualan awal, saya memaklumkan kepada beliau tujuan saya berkaitan dengan penyelidikan yang akan saya jalankan dan juga berkaitan dengan proses untuk memilih peserta kajian. Beliau telah mencadangkan enam daripada lapan pensyarah yang terdapat di JTP. Enam nama pensyarah tersebut yang boleh memberi kerjasama untuk menjadi peserta kajian akan dimaklumkan sendiri oleh beliau kepada pensyarah yang berkenaan. Sebelum pertemuan berakhir kerana KJ perlu menghadiri mesyuarat pada jam 10.00 pagi, beliau menyarankan supaya memaklumkan jika sekiranya saya memerlukan maklumat dan dokumen-dokumen rasmi yang boleh membantu kajian ini.

---

*yang sangat baik  
untuk membantu  
penyelidik semasa  
berada di lapangan.*

### Catatan Lapangan

Adaptasi dari Marshall, Catherine & Rossman, Gretchen B. (2006). Designing Qualitative Research. 4<sup>th</sup> Edition. Sage Publication.